

09/10/1997

Kerajaan pusat setuju pembinaan kunci air RM3 juta

PEKAN, Rabu - Kerajaan Pusat pada dasarnya bersetuju dengan cadangan Kerajaan Pahang untuk membina kunci air berharga kira-kira RM3 juta di Sungai Chini bagi mengawal kenaikan paras air.

Langkah membina kunci air menggunakan teknologi United Kingdom itu sudah dipersetujui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam usaha memastikan pokok di Tasik Chini terus dipelihara dan mampu menjadi daya penarik pelancong ke situ pada masa depan.

Berikutan itu, Pengerusi Jawatankuasa Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Pahang, Datuk Shahirudin Ab Moin, berkata Kementerian Pertanian melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri sudah mengedarkan borang kajian kepada 40 pengusaha bot pelancongan, berhubung cadangan membina kunci air itu.

Beliau berkata, ini membolehkan kerajaan negeri mendapat maklum balas yang tepat serta pandangan pengusaha bot pelancongan.

Setakat ini, menurutnya, kerajaan negeri membelanjakan RM200,000 untuk merendahkan empangan Tasik Chini ke paras 2.3 meter bagi menurunkan paras air dan RM126,000 lagi bagi membiayai kos pembersihan dan penebangan pokok di Sungai Chini bertujuan memudahkan laluan bot pelancong.

Pembinaan kunci air itu pula akan dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Pusat.

"Kerajaan negeri berpuas hati terhadap pertumbuhan pokok di Tasik Chini selepas empangan dipotong kira-kira 1.4 meter kerana langkah merendahkan empangan itu, membolehkan air tasik mengalir terus ke Sungai Chini.

(END)